

26/07/1998

Serangan mata wang fokus dialog: PM (HL)

Mahfar Ali in Johannesburg

JOHANNESBURG: Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 1998 (SAID '98) yang akan turut dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Namibia bermula hari ini, akan memberi fokus mengenai isu serangan mata wang yang kini turut dihadapi Afrika Selatan.

Menurut Perdana Menteri, menerusi dialog itu negara terbabit akan mendapat gambaran lebih jelas mengenai isu berkenaan dan bagaimana untuk bertindak balas serta melindungi ekonomi masing-masing.

Bercakap kepada pemberita pada akhir lawatan dua hari ke Afrika Selatan semalam sebelum berlepas ke Namibia untuk menghadiri SAID '98, Dr Mahathir berkata serangan ke atas mata wang kini tidak saja dihadapi negara Asia malah juga Afrika Selatan.

Perdana Menteri berkata, isu berkenaan turut dibincangkan dalam pertemuannya dengan Pemangku Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki kelmarin.

Afrika Selatan dilaporkan negara paling teruk di benua itu yang menerima kesan serangan spekulator asing yang turut dikaitkan dengan pembiayaan dana antarabangsa, George Soros.

Menurut laporan, sejak Mei lalu nilai mata wang Afrika Selatan, rand jatuh melebihi 25 peratus.

Berikutan perkembangan ini, kata Perdana Menteri, negara selatan Afrika berminat untuk mengetahui bagaimana mata wang didagangkan dan diserang serta kesannya ke atas ekonomi sesebuah negara.

"Kita akan memberi pandangan berdasarkan pengalaman Malaysia dan kita akan mendengar masalah masing-masing dan mencari jalan bagaimana menanganinya," katanya yang turut menghadiri SAID '97 di Botswana, Mei tahun lalu.

Dialog empat hari itu akan dihadiri semua pemimpin sembilan negara yang menganggotai Komuniti Pembangunan Selatan Afrika (SADC).

Terdahulu dalam ucapan pada majlis perasmian Southern Bank of Africa Ltd di sini, pagi semalam, Dr Mahathir mengulangi pendirian Malaysia untuk tidak mendapatkan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bagi mengelak negara dijajah semula.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, ekonomi Malaysia sering menghadapi tekanan setiap kali kerajaan mengumumkan program untuk memulihkan ekonominya dan ini menjadikan keadaan bertambah sukar.

Namun, tegas beliau, Malaysia akan mencuba seberapa yang mampu untuk bertahan dan akan turut menyokong penuh tindakan Afrika Selatan untuk membaiki ekonominya.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut menceritakan pengalaman Malaysia mengagihkan kekayaan ekonominya termasuk menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB), bagi mengelakkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat.

Menurut beliau, ini penting bagi menjamin kestabilan negara serta mengelak ketegangan akibat masalah kemiskinan dan kebuluran.

Dalam sidang akhbar selepas menemui wakil syarikat Malaysia di Afrika Selatan, Dr Mahathir mengakui buat sementara waktu ini Malaysia memang perlu mengkaji semula pelaburannya di Afrika Selatan yang kini tidak kompetitif kerana memerlukan lebih banyak ringgit.

Malah, katanya, sesetengah pelabur Malaysia mula memikirkan untuk menjual pelaburan mereka di Afrika Selatan supaya dapat memberi tumpuan dalam negara.

Namun, kata Dr Mahathir, perdagangan kedua-dua negara termasuk dalam

industri pelancongan akan terus ditingkatkan kerana bidang berkenaan tidak memerlukan pelaburan, sebaliknya cuma membabitkan penjualan dan pembelian barangan.

Justeru, katanya, Malaysia berhasrat membeli lebih banyak barangan dari Afrika Selatan bagi mengelak pergantungan terhadap dolar Amerika.

(END)